

# Akademika

Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan

*Journal of the Social Sciences and Humanities*

Bilangan  
Number **56**

ISSN 0126-5008

Januari  
January **2000**

## **Makalah/Article**

Bandar Pertengahan Sebagai Pusat Pembangunan Industri / 3  
Pembuatan di Malaysia: Kuantan, Pahang Darul Makmur  
KATIMAN ROSTAM

Pembandaran dan Kenaikan Nilai Harta Tanah di Malaysia / 27  
ZAINAL ABIDIN HASHIM

Orientasi Akademik: Pendekatan Alternatif dalam Program / 47  
Pendidikan Guru Siswazah di Malaysia  
LILIA HALIM  
NORLENA SALAMUDDIN

Globalisation: Its Philosophical and Sociological / 65  
Presuppositions  
MOHD. HAZIM SHAH

Religion in the Social Sciences: A Socio-epistemological / 85  
Critique  
JOACHIM MATTHES

## **Nota Penyelidikan/Research Note**

Pengetahuan, Sikap dan Amalan Tentang Kanser Serviks / 107  
di Kalangan Bidan, Jururawat Desa dan Jururawat Masyarakat  
AISHAH AHMAD MAKINUDDIN  
OSMAN ALI

- Bahasa, Kuasa, dan Ideologi: Analisis Wacana Kritis / 121  
Sebutan Baku Bahasa Melayu  
IDRIS AMAN
- How Do Young Adolescents Spend Their Waking / 135  
Hours at Night  
NORANI MOHD SALLEH  
MOHD. SHAM KASIM
- Laporan Persidangan/*Conference Report***  
Crisis Management – Chinese Entrepreneurs and Business / 147  
Networks in Southeast Asia  
SOLVAY GERKE  
HANS-DIETER EVERS  
THOMAS MENKHOFF
- Ulasan Buku/*Book Review***  
*Gender, Ethnicity and Political Ideologies* / 161  
by Nickie Charles & Helen Hintjens

## **Bandar Pertengahan Sebagai Pusat Pembangunan Industri Pembuatan di Malaysia: Kuantan, Pahang Darul Makmur**

KATIMAN ROSTAM

### ABSTRAK

*Kuantan adalah sebuah bandar pertengahan yang terletak di Wilayah Timur Semenanjung Malaysia yang umumnya belum maju. Sejak pertengahan 1980-an, sektor pembuatan, khususnya IKS telah berkembang di Semambu, Gebeng dan Pelabuhan Kuantan yang menghasilkan barangan perabot, jentera kecil, komponen kenderaan, bahan kayu, makanan dan minuman. Bagaimanapun, sejak 1990-an aktiviti pembuatan yang menghasilkan barangan elektrik, petrokimia dan komponen kenderaan telah menjadi teras pembangunan industri yang banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang pesat bandar ini. Kertas ini berusaha untuk memeriksa kelebihan bandingan bandar Kuantan sebagai pusat perindustrian, berbanding dengan bandar-bandar lain di wilayah tersebut. Letakan Kuantan yang menguntungkan dalam konteks pemanfaatan bahan mentah di kawasan pedalaman, tenaga buruh murah, kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan yang baik, pelbagai insentif dan ekonomi pembandaran yang menarik, adalah antara faktor berpengaruh yang menyumbang kepada kemajuan sektor pembuatan di bandar tersebut. Kuantan kini adalah bandar pertengahan yang banyak menarik pelaburan dalam sektor pembuatan yang mampu memberikan kesan balas tarikan kepada pusat pertumbuhan utama seperti Lembah Klang. Pusat pertumbuhan ini juga membantu memajukan Wilayah Pantai Timur seimbang dengan pembangunan wilayah-wilayah lain di negara ini. Hal ini turut membuktikan bahawa bandar pertengahan di kawasan pinggir boleh turut serta melibatkan diri dengan jayanya dalam pembangunan ekonomi perindustrian yang terkait secara langsung dengan sistem ekonomi global. Kejayaan ini dicapai melalui pelaksanaan dasar yang proaktif dan strategi serta keupayaan agensi di peringkat tempatan dan negeri dalam menyusun dan memajukan ruang ekonomi bandar berkenaan.*

*Kata kunci: Bandar pertengahan, pembangunan industri, pembuatan, Pahang*

### ABSTRACT

*Kuantan is an intermediate city located in the east coast, the less developed region of Peninsular Malaysia. Since the mid-1980s, manufacturing sector particularly SMI, has emerged in Semambu, Gebeng and Kuantan Port, manu-*

*facturing goods such as furniture, light machineries, automobile components, wood-based products, food and beverages. However, since the 1990s, activities such as manufacturing electrical goods, petrochemical products and automotive components, have become the main thrust of industrialization program that contributes significantly to the economic growth of the city. This paper attempts to discuss the comparative advantages of Kuantan over other cities as manufacturing centre in the region. Kuantan's commanding location over raw materials in the interior of the region, abundant cheap labour, superb infrastructural provision and availability of a wide range of service facilities, various fiscal incentives and attractive urbanization economies, are among the influential factors that contribute to the growth of manufacturing activities in the area. This indicates that Kuantan is capable of reducing the attraction of the principle growth centre such as Klang Valley. The growth pole also promotes economic growth to the East Coast Region reducing the imbalance development between regions in the country. The development also suggests that the intermediate city located in the periphery can participate successfully in the process of industrial development that linked directly to the global economic system. Such a success is achieved through the adoption of appropriate proactive policies and strategies and the ability of the local and state agencies to develop the economic space of the city.*

*Keywords: Intermediate city, industrial development, manufacturing, Pahang*

## PENGENALAN

Sejak tahun 1960-an, para pelopor teori pembangunan di Dunia Ketiga gusar dengan kepesatan perkembangan bandar metropolitan serta melebarnya jurang kemajuan antara wilayah yang maju dan yang mundur. Kegusaran mereka masih berterusan kerana dasar penyahpusatan dan strategi sistem petempatan kebangsaan yang cuba diterapkan gagal memperbaiki keadaan tersebut (Lo & Salih 1981; Gilbert & Gugler 1982). Proses pengutuban terus berlaku melalui penerapan strategi pembangunan bandar metropolitan bagi tujuan memesatkan pertumbuhan ekonomi negara di bawah dasar ekonomi yang liberal. Strategi ini telah tidak mencetuskan kesan limpahan dan titisan automatis ke bandar lain di pinggir seperti yang diharapkan, walaupun kos operasi firma di pusat utama kian meningkat. Kegagalan ini sebahagiannya juga berpunca daripada kurang cekapnya sistem petempatan di negara tersebut untuk memungkinkan berlakunya proses balikan, limpahan atau titisan ke bawah. Para pemikir terus berusaha menentukan bentuk organisasi ruang yang cekap bagi menempatkan aktiviti yang boleh menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pada masa yang sama negara berupaya mencapai matlamat keadilan sosial. Salah satu hasil pemikiran mereka ialah idea tentang pembangunan bandar pertengahan.

Richardson (1981) mengulas bahawa pemilihan bandar pertengahan, iaitu bandar yang berada pada kategori perantaraan antara bandar metropolitan utama dan bandar kecil di dalam sesebuah negara, menyediakan pilihan letakan kepada para pelabur untuk menempatkan aktiviti pembuatan, terutamanya industri kecil dan sederhana yang menggunakan tenaga buruh yang ramai serta industri yang berasaskan sumber tempatan. Penekanan kepada sektor pembuatan, khususnya industri skala kecil dan sederhana (IKS) adalah juga selaras dengan peranan yang mampu dimainkan oleh bandar pertengahan yang lazimnya juga adalah pusat pertumbuhan wilayah yang sedang membangun. Oleh itu, pembangunan bandar pertengahan adalah satu strategi penting bagi mencapai matlamat pembangunan seimbang seperti yang diinginkan oleh model pembangunan yang merata melalui pertumbuhan. Bagaimanapun, strategi ini biasanya hanya berkesan sekiranya bandar pertengahan berkenaan sudah bersedia untuk menawarkan faedah-faedah ekonomi aglomerasi pembedaran, selain tenaga buruh yang berkemahiran seperti yang terdapat di bandar metropolitan (Lo & Salih 1981: 131).

Pada teorinya, bandar pertengahan yang mempunyai ciri-ciri fizikal dan sosio-ekonomi sebuah bandar metropolitan tetapi pada masa yang sama masih mewarisi fungsi dan ciri-ciri bandar kecil, mempunyai kelebihan tertentu kepada pelabur. Bandar pertengahan menawarkan kos buruh dan tapak atau sewa kilang yang rendah, letakan yang berhampiran dengan sumber bahan mentah bagi sesetengah jenis industri selain kemudahan, pasaran dan ekonomi pembedaran yang tidak kurang menarik. Pemerhatian di negara-negara Asia, Amerika Latin dan Afrika menunjukkan bahawa kebanyakan bandar-bandar pertengahan di negara tersebut menempatkan firma pembuatan saiz sederhana dan kecil (Lo & Salih 1978; Rondinelli 1983: 146). Kebanyakan firma pembuatan saiz sederhana terlibat dengan industri pembuatan barangan penggantian import termasuk bahan makanan, tekstil, perabot, pemerosesan bahan keluaran separuh siap seperti logam dan barangan komponen elektrik. Rata-rata firma mengupah buruh separa mahir yang berpendidikan sederhana. Kepentingan sektor perkilangan dalam mengubah struktur ekonomi tidak hanya berlaku di peringkat nasional tetapi juga di peringkat wilayah. Pengalaman negara-negara membangun yang baru berindustri yang lebih awal seperti Brazil, Korea Selatan dan Taiwan menjelaskan hakikat tersebut (Dicken 1992).

Kepentingan sektor pembuatan bagi penjana aktiviti ekonomi dalam sektor yang lain dan seterusnya membangunkan negara melalui pembedaran, sudah lama diterima pakai oleh para pemikir teori pembangunan (misalnya Berry et al. 1993: 274). Strategi yang serupa juga digunakan untuk membangunkan kawasan pinggiran melalui usaha penyahpusatan. Pada teorinya, walaupun keadaan di bandar utama sudah mencapai had optimum dan tepu, proses penyahpusatan tidak akan berlaku sekiranya bandar-bandar lain di luar kawasan pertumbuhan utama belum cukup berkembang dan bersedia untuk menerima pelaburan ekonomi. Dalam keadaan seperti itu, penumpuan akan terus berlaku di

bandar utama. Bagaimanapun, kebelakangan ini pelbagai usaha telah dilakukan untuk menarik pelaburan ke bandar pertengahan di kawasan pinggir. Usaha tersebut telah menyebabkan banyak firma pelaburan asing dan termasuk juga firma dalam negara yang semakin cenderung untuk memindahkan aktiviti pembuatan mereka ke kawasan yang sedang membangun. Ini disebabkan adanya kelebihan-kelebihan tertentu yang terdapat di kawasan luar daripada pusat pertumbuhan utama. Aglomerasi melalui ekonomi pambandaran sudah mula memberi faedah kepada aktiviti pembuatan yang beroperasi di bandar-bandar pertengahan di kawasan mundur walaupun faktor tersebut sebenarnya bukan lagi tarikan utama yang menyebabkan pelabur bertumpu ke bandar berkenaan (McCann 1995). Faktor-faktor seperti adanya tapak yang luas dan lebih murah, bekalan sumber alam yang sesuai untuk dijadikan bahan mentah, penawaran buruh mahir dan separuh mahir yang lebih murah, kemudahan-kemudahan asas yang setanding dengan yang terdapat di kawasan maju serta penawaran pelbagai insentif yang menarik oleh pihak kerajaan juga merupakan daya tarikan yang penting. Oleh itu proses penyahpusatan dan perkembangan perindustrian di bandar pertengahan umumnya dapatlah dianggap sebagai suatu trend yang lazim berlaku dalam sebuah negara yang sedang menuju ekonomi perindustrian. Bagaimanapun, tidak semua jenis industri sesuai dibangunkan di bandar pertengahan dan tidak semua bandar pertengahan boleh dijadikan pusat perindustrian. Ini disebabkan saingan yang kian sengit dan proses membuat keputusan semakin rumit.

Pada masa kebelakangan ini, keputusan menempatkan aktiviti perkilangan semakin menjadi lebih bebas dan bersifat trans-nasional malah global (Berry et al. 1993: 298) sehingga tekanan pasaran amat banyak mempengaruhi perletakan aktiviti pengeluaran para pelabur tersebut. Hal ini turut ditegaskan oleh De Mello (1997: 4) yang mengatakan bahawa FDI dalam konteks firma berbilang negara dapat dianggap sebagai suatu kesan penyusunan strategi korporat dan dasar pelaburan yang lebih luas yang melibatkan keputusan-keputusan yang dikaitkan dengan usaha untuk memaksimumkan keuntungan firma yang terpaksa menghadapi persaingan sengit dari pelbagai firma lain di seluruh dunia. Dalam keadaan tersebut kesignifikanan perbezaan struktur kos akibat faktor-faktor pengeluaran dan pulangan yang berbeza di antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain, didapati lebih berpengaruh dalam menentukan pertimbangan pelaburan dan perletakan aktiviti pengeluaran secara global. Jadi dalam keadaan tersebut, faktor-faktor setempat seperti yang disebutkan di atas tadi hanyalah sebahagian kecil daripada tarikan yang boleh mempengaruhi kehadiran pelaburan asing ke sesebuah kawasan. Faktor-faktor ini kadangkala kurang signifikan berbanding dengan perbezaan struktur kos antara negara secara keseluruhan. Hal ini membayangkan betapa sengitnya persaingan untuk menarik pelaburan kerana persaingan bukan sahaja berlaku di peringkat nasional tetapi juga global. Cabaran yang lebih besar dihadapi oleh bandar-bandar yang terletak di kawasan yang masih mundur seperti Kuantan di Malaysia.

Sekaitan dengan penjelasan di atas tadi makalah ini bertujuan untuk menilai keupayaan Kuantan, sebuah bandar pertengahan di wilayah yang mundur, berkembang menjadi sebuah pusat perkilangan yang maju. Isu yang hendak diketengahkan melalui perbincangan ini ialah kemampuan Kuantan bersaing untuk menjadi salah sebuah pusat perindustrian di Malaysia sekalipun menerima saingan yang sengit daripada kawasan pertumbuhan utama di pantai barat. Persoalan yang ingin diungkap di sini, bagaimana usaha mewujudkan keseimbangan pembangunan antara wilayah maju dan mundur di Semenanjung melalui dasar penyahpusatan telah memberi peluang kepada bandar ini untuk berkembang sebagai sebuah kutub pertumbuhan bagi Wilayah Timur yang mundur. Perbincangan juga difokuskan kepada usaha menjadikan strategi perindustrian relevan kepada matlamat pembangunan berkenaan melalui pemanfaatan kelebihan-kelebihan semulajadi dan buatan yang terdapat di Kuantan dan bagaimanakah kelebihan-kelebihan tersebut diurus sehingga telah membantu Kuantan menyaingi bandar-bandar besar yang lain sama ada yang terletak di wilayah pantai timur ataupun di wilayah-wilayah lain yang lebih maju, termasuk yang di luar negara. Pengalaman seperti ini sudah pasti berguna untuk dijadikan panduan bagi pembangunan sektor pembuatan di bandar-bandar pertengahan yang lain.

## PERKEMBANGAN KUANTAN SEBAGAI SEBUAH PUSAT PERINDUSTRIAN

Kuantan berasal daripada sebuah perkampungan nelayan kini berkembang menjadi salah sebuah bandar pertengahan<sup>1</sup> di wilayah pantai timur Semenanjung Malaysia. Terletak di muara Sungai Kuantan yang berlumpur, bandar tersebut pada awalnya tidak mempunyai sebarang tarikan. Oleh itu pada zaman penjajahan Inggeris, Kuantan hanya sebuah petempatan yang tidak begitu penting kerana pusat pentadbiran kerajaan terletak di Kuala Lipis. Keadaan hanya berubah selepas negara mencapai kemerdekaan.

### PERTUMBUHAN BANDAR

Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, penduduk Kuantan berjumlah 23,034 orang (dengan purata kadar pertumbuhan 10.5 peratus setahun sejak 1947). Selepas merdeka, Kuantan telah menarik jumlah penduduk yang ramai dari kawasan sekitarnya. Kadar pertumbuhan yang pesat (purata 11.5 peratus setahun) direkodkan antara 1970 dan 1980. Sebahagian besar pertambahan tersebut (73 peratus daripada 88,100 orang) berpunca daripada proses perpindahan dan pengelasan semula bersih kawasan perbandaran (Khoo Soo Gim & Kate Van Kit Yee 1996). Pembinaan Pelabuhan Kuantan serta kawasan perindustrian Gebeng dan Semambu membuka banyak peluang pekerjaan kepada

penduduk yang tidak menyertai rancangan pembangunan tanah, telah menggalakkan kemasukan ramai penduduk ke bandar tersebut.

Kadar pertumbuhan penduduk bandar Kuantan bagi tempoh 1980-1991 (purata 3.4 peratus setahun) bagaimanapun tidaklah sepesat dekad sebelumnya. Dalam tempoh yang sama, beberapa kawasan perindustrian dan perumahan baru di dalam dan sekitar Kuantan seperti Gebeng, Semambu, Bandar Indera Mahkota, Pelabuhan Kuantan, Jaya Gading dan Peramu telah dibuka. Pembukaan kawasan ini telah menarik sejumlah penduduk yang ramai. Pertumbuhan penduduk bandar pertengahan ini dijangkakan berterusan menjelang tahun 2000 (3.9 peratus setahun bagi tempoh 1991-2000) dan penawaran peluang pekerjaan yang banyak dalam sektor pembuatan merupakan daya tarikan utamanya.

#### PERKEMBANGAN SEKTOR PERMBUATAN

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga 1976-80, Kuantan telah dikenalpasti dan dirancang untuk dijadikan sebagai kutub pertumbuhan Wilayah Timur, salah satu strategi penting untuk membantu mengimbangkan aras pembangunan wilayah pantai timur ini dengan wilayah-wilayah lain yang lebih maju di pantai barat Semenanjung Malaysia (Malaysia 1979: 93). Sejak dirancang sebagai kutub pertumbuhan, Kuantan telah berkembang daripada sebuah pusat pengumpulan hasil pertanian kepada sebuah bandar perindustrian yang penting. Pelbagai projek perindustrian telah dimajukan di sekitar Kuantan seperti yang ditunjukkan dengan lebih terperinci dalam Jadual 1.

Kawasan perindustrian di sekitar Kuantan menempatkan sejumlah besar kegiatan pembuatan di negeri ini. Kawasan perindustrian utama di sini, khususnya yang dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), termasuklah Gebeng (853.9 hektar), Semambu (187.0 hektar), Pelabuhan Kuantan (155 hektar) dan Jaya Gading (11 hektar). Kawasan lain yang baru dibuka termasuklah Chendor (60 hektar) dan Indera Mahkota (52 hektar). Beberapa kawasan lain seperti di MEC (Malaysian Electrical Corporation) Gambang, Tanjung Lumpur, Telok Kalong dan Tanjung Gelang juga turut dibangunkan oleh pihak swasta untuk dijadikan kawasan perindustrian (Rajah 1). Di luar daerah Kuantan, Peramu (Pekan) yang terletak kira-kira 38 km ke selatan Kuantan juga turut dibangunkan dengan kawasan perindustrian yang agak besar (66.8 hektar). Kawasan perindustrian juga dibina di daerah-daerah lain tetapi keluasannya terhad jika dibandingkan dengan kawasan perindustrian yang terdapat di sekitar Kuantan.

Daripada segi jumlah projek dan pelaburan perindustrian yang diluluskan, sejak 1980 lagi kawasan di sekitar bandar Kuantan menjadi fokus utama. Lebih 48 peratus daripada 515 projek perindustrian perkilangan yang diluluskan di negeri Pahang terletak di sekitar Kuantan, terutamanya kawasan perindustrian di Semambu-Gebeng. Jumlah pelaburan yang diluluskan melebihi RM5.1 bilion dengan peluang pekerjaan yang diwujudkan berjumlah 18,238. Lebih 75 peratus projek yang diluluskan telahpun beroperasi.



JADUAL 1. Bilangan projek perkilangan di kawasan perindustrian utama di sekitar Kuantan sehingga 1994


Estet perindustrian	Diluluskan				Sedang beroperasi			
	Bil.	%	Pelaburan (RM juta)	Guna tenaga	Bil.	%	Pelaburan (RM juta)	Guna tenaga
Semambu	139	30.0	272.2	5,785	121	29.7	225.2	4,912
Gebeng	64	12.4	3,447.2	5,926	28	6.9	1621	3,101
Pelabuhan Kuantan	22	4.3	777.8	1,168	20	4.9	718.8	1,076
Jaya Gading	1	0.2	30.0	1,500	1	0.2	20.0	850
Peramu*	22	4.3	609.7	3,859	17	4.2	461.6	3,497
Jumlah Kuantan	248	51.2	5,136.9	24,023	187	45.9	3,047.3	13,436
Jumlah seluruh Pahang	515	100.0	6,090.9	32,826	407	100.0	3,556.0	25,055

Sumber: Pahang (1996b: Jadual 25)

*Nota:* Selain kawasan perindustrian yang dinyatakan di sini, beberapa kawasan yang baru dimajukan seperti Indera Mahkota, Chendor, Gambang dan Lepar berhampiran Kuantan tidak dapat ditunjukkan kerana kekurangan maklumat asas.

Kawasan perindustrian yang terletak di luar daerah tetapi secara relatif masih berhampiran bandar Kuantan termasuklah Peramu terletak kira-kira 38 km dari Kuantan hampir sama jaraknya dengan Gebeng (32 km) dari Kuantan.

Perkembangan industri perkilangan di Kuantan sehingga 1995 menunjukkan wujudnya penumpuan dan pengkhususan aktiviti di beberapa kawasan tertentu. Kawasan perindustrian Gebeng-Semambu yang boleh dianggap paling maju mempunyai darjah pengkhususan yang agak tinggi dalam bidang kejuruteraan, besi dan keluli, kimia dan petrokimia dan asas kayu. Umumnya, kawasan perindustrian Gebeng dapat digelar kawasan perindustrian berat kerana rata-rata kilang berskala besar dan sederhana serta melibatkan modal yang besar yang dimiliki oleh korporat berbilang negara. Terdapat 28 buah kilang yang sedang beroperasi di tempat tersebut. Antara pelabur utamanya termasuklah Amoco Chemical (M) Sdn. Bhd. yang menghasilkan asid tetrapthalik tulen dengan jumlah pelaburan bernilai RM1.2 bilion, MTBE (M) Sdn. Bhd. (nilai pelaburannya RM1.19 bilion) diikuti oleh usahasama Petronas-Finland's Neste Oy-Idemitsu Petrochemical of Japan (modal berbayar RM57.9 juta). Kilang utama yang lain termasuklah Kaneka Corporation (M) Sdn. Bhd. (pelaburannya bernilai RM200 juta), Eastman Chemicals (M) Sdn. Bhd. (nilai pelaburannya RM250 juta), Oryovac (M) Sdn. Bhd. (pelaburannya berjumlah RM230 juta) dan Oleochemical Sdn. Bhd. (pelaburannya berjumlah RM350 juta). Purata bilangan tenaga buruh bagi setiap kilang di sini ialah 111 orang. Walaupun rata-rata industri di kawasan perindustrian Gebeng jenis sederhana, kebanyakannya industri berat. Sebahagian



RAJAH 1. Taburan kemudahan asas dan kawasan perindustrian di sekitar Kuantan, Pahang

besar keluarannya untuk pasaran luar negara. Kegiatan di sini dapat dianggap sebagai pemacu pertumbuhan sektor pembuatan di Kuantan pada dekad ini.

Berbanding dengan Gebeng, Semambu kawasan perindustrian yang lebih awal dibina adalah pusat IKS. Hanya sebahagian kecil sahaja industri yang boleh digolongkan sebagai jenis berat. Terdapat 121 buah firma pembuatan di kawasan tersebut, kira-kira 49 peratus daripada jumlah kilang di sekitar Kuantan. Purata jumlah pekerja penuhmasa bagi firma di Semambu ialah 41 orang dengan purata modal berbayarnya berjumlah RM1.9 juta. Sebahagian besar (50 peratus) kilang di kawasan Semambu adalah bengkel (industri skala kecil) yang terlibat dengan kerja-kerja kejuruteraan jentera dan mesin, manakala sebahagian kilang yang lain (17 peratus) mengkhusus dalam kerja-kerja pembuatan perabot dan pemerosesan kayu begergaji serta papan lapis. Sejumlah 11 peratus kilang pula terlibat dengan pengeluaran makanan dan minuman, dan selebihnya terlibat dengan aktiviti pengeluaran berbagai jenis barangan daripada getah, perkakas elektrik, bahan konkrit dan petrokimia. Selain kawasan perindustrian yang dibina oleh PKNP, banyak bengkel dan industri kecil di dirikan di kawasan perkampungan yang persekitaran fizikalnya masih lagi bersifat luar bandar. Keadaannya agak kurang teratur walaupun kemudahan asasnya baik. Harga tapak yang murah menjadi pendorong utama yang menyebabkan ramai pengusaha IKS mendirikan kilang di kawasan tersebut.

Di kawasan perindustrian Pelabuhan Kuantan, aktiviti pengeluaran bertumpu dalam bidang produk kimia. Firma yang terlibat termasuklah Devechem, Borden Chemical, Felda Refinery dan FPG Oleochemical. Terdapat juga industri asas kayu seperti Perpa Parquet, Pan Resources dan Sunlight Timber. Industri asas petroleum turut ditempatkan di kawasan ini seperti kilang penapisan petroleum, Shell, Petronas, Mobil dan Petmal. Selain itu, industri makanan dan minuman serta perkakas besi dan keluli turut ditempatkan di kawasan ini. Kehampirannya dengan pelabuhan memudahkan kerja-kerja pengangkutan sama ada pengimportan bahan mentah petroleum dan kayu atau pengeksportan barangan siapnya. Kawasan perindustrian Peramu yang terletak di sebelah selatan Kuantan pula mengkhusus dalam pengeluaran komponen kenderaan dan perabot yang kebanyakannya berskala sederhana dan kecil. Di tempat-tempat lain, tumpuan pengeluaran tidak begitu nyata.

Secara keseluruhan dapatlah disimpulkan di sini bahawa kegiatan perindustrian di sekitar bandar Kuantan pada mulanya disertai oleh banyak firma IKS. Aktiviti mereka berteraskan kepada pembuatan barangan berasaskan kayu, rotan dan bahan makanan. Hal ini menunjukkan ada hubungan yang rapat antara sektor pembuatan di Kuantan dengan aktiviti pengeluaran pertanian dan perhutanan di sekitarnya. Perkembangan awal ini yang banyak disertai oleh firma IKS telah menyediakan asas yang kukuh bagi perkembangan perindustrian di bandar ini pada dekad berikutnya. Pada akhir tahun 1980-an keadaan mula berubah apabila lebih banyak industri baru berkembang terutamanya di sekitar Gebeng, Semambu dan Jalan Gambang. Selaras dengan penyertaan negara yang

lebih luas dalam ekonomi global akibat penurunan nilai ringgit dan penstrukturan operasi pengeluaran firma berbilang negara (terutamanya Jepun dan Taiwan) yang menjadikan Malaysia sebagai pembekal komponen produk perindustrian mereka dengan penggunaan lebih banyak input tempatan (Jomo 1994: 123), industri yang berorientasikan eksport dikembangkan di bandar ini. Pengeluaran alat jentera, komponen perkakas elektrik dan elektronik, jentera dan peralatan kenderaan, bahan kimia dan petrokimia mula memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan sektor pembuatan di Kuantan dan seterusnya kepada KDNK negeri di samping mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk. Malah, sektor pengeluaran moden ini semakin diberi perhatian sejajar dengan dasar liberalisasi dalam perindustrian negara selepas 1986. Pada dekad 90-an pula, pelaburan asing dalam industri berat yang banyak menggunakan sumber bahan mentah tempatan seperti petroleum dan gas asli, kayu dan makanan pula memberi sumbangan besar kepada sektor perindustrian di Kuantan. Bagaimanapun, sektor IKS yang melibatkan ramai bilangan pengusaha di samping industri skala besar yang baru, masih terus menjadi tunjang dan memainkan peranan yang penting dalam memajukan ekonomi bandar pertengahan ini khasnya dan Negeri Pahang amnya.

Sumbangan sektor pembuatan kepada kemajuan ekonomi negeri Pahang sangat ketara. Sejak 1990-an, kadar pertumbuhan ekonomi negeri Pahang mencapai 7.6 peratus, hanya sedikit di bawah purata negara (8.7 peratus bagi tempoh 1991-95). Bagaimanapun, kadar pertumbuhan ini dijangka meningkat menjelang tahun 2000 apabila sektor pembuatan berkembang menggantikan sektor pertanian sebagai penyumbang utama ekonomi negeri (Pahang 1996a). Sumbangan sektor perkilangan kepada KDNK negeri pada 1990 hanya 13 peratus sahaja tetapi telah meningkat kepada 19.4 peratus pada 1995 dan dijangka terus meningkat sehingga mencapai 24.4 peratus pada tahun 2000. Walaupun berlaku kemerosotan ekonomi kebelakangan ini, negeri Pahang terus mencatatkan kemajuan yang pesat dalam sektor pembuatan. Misalnya pada 1996, Pahang menduduki tangga kelapan daripada segi kemasukan jumlah pelaburan (bernilai RM1.7 bilion) ke negeri-negeri di Malaysia. Pada 1998, kedudukan negeri Pahang meningkat ke tangga keempat (nilai pelaburan RM3.06 bilion) dengan 70 peratus daripadanya bertumpu ke Gebeng, salah satu kawasan perindustrian penting di Kuantan (MIDA 1998). Perkembangan ini cukup menyerlah dan amat membantu Kuantan untuk terus bersaing dengan bandar-bandar lain di dalam dan luar Wilayah Timur Semenanjung Malaysia.

## DAYA SAING KUANTAN

Dalam banyak perkara, Kuantan tidak banyak berbeza dengan bandar-bandar besar lain di pantai timur Semenanjung. Namun begitu, ada beberapa kelebihan yang cuba dijelaskan dalam makalah ini, yang tidak dimiliki oleh bandar-bandar

lain khususnya Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Hal ini dapat dibuktikan misalnya melalui jumlah projek perindustrian yang diluluskan oleh kerajaan negeri berkenaan kebelakangan ini. Sebagai contoh, bagi tempoh 1986-1990, terdapat 70 buah firma melabur di Pahang dengan pelaburan berjumlah RM 2,265.3 juta. Jumlah tersebut terus meningkat kepada 75 buah pada tempoh 1991-1995 dengan jumlah pelaburannya meningkat kepada RM 3,490.2 juta. Walaupun jumlah tersebut masih kecil jika dibandingkan dengan yang masuk ke negeri-negeri di pantai barat (kecuali Perlis), namun bagi negeri di Wilayah Timur Semenanjung, angka tersebut adalah yang tertinggi. Misalnya, bagi tempoh 1986-1990 hanya ada 25 projek dan tempoh 1991-1995 ada 26 projek sahaja yang diluluskan di negeri Kelantan dengan pelaburan bernilai RM101.9 dan RM1,092.3. Tumpuan aktiviti pembuatan adalah di sekitar bandar Kota Bharu. Begitu juga jika dibandingkan dengan negeri Terengganu, pada tempoh 1986-1990 terdapat 36 yang diluluskan oleh kerajaan negeri dengan tumpuan utamanya di sekitar bandar Kuala Terengganu. Hanya pada tempoh 1991-1995 jumlah kelulusan meningkat kepada 86 projek dengan jumlah pelaburan mencapai RM16,421.5 juta (Malaysia 1996). Bagaimanapun, pada tempoh 1991-1995, kebanyakan projek yang diluluskan di negeri Terengganu dibina jauh di luar Kuala Terengganu, terutamanya di Kemaman, Paka dan Kertih yang mengkhusus dalam perindustrian berkaitan dengan petroleum dan gas. Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan keluasan tanah perindustrian yang dimajukan. Misalnya pada 1995, sebanyak 82.8 peratus daripada kira-kira 2,582 hektar tanah perindustrian yang dimajukan di seluruh negeri Terengganu terletak di luar Kuala Terengganu (MIDA 1995). Keadaan ini berbeza sekali dengan yang berlaku di negeri Pahang. Sebahagian besar kawasan perindustrian yang dibina (73.5 peratus daripada keluasan 1,968.3 hektar tapak industri yang dibina) pada tempoh yang sama terletak di sekitar bandar Kuantan. Sehingga 1998, negeri Pahang menduduki tangga keempat daripada segi jumlah kemasukan pelabur (Shariffuddin Mohamed 1998). Ini membuktikan bahawa negeri Pahang, khususnya bandar Kuantan mempunyai tarikan dan daya saing yang cukup tinggi kepada pelabur. Keadaan yang dianggap menyumbang kepada saingan tersebut diuraikan seperti berikut.

#### KEPELBAGAIAN BEKALAN SUMBER DI PEDALAMAN YANG MUDAH DIHUBUNGI

Kawasan pedalaman Kuantan kaya dengan pelbagai sumber alam yang boleh dimajukan. Misalnya, terdapat lebih 1.7 juta hektar kawasan hutan yang mengandungi berbagai jenis kayu keras tropika yang berharga seperti balau, chengal, keranji, merbau dan kayu sederhana keras seperti kapor, kempas dan keruing, yang sesuai dijadikan teras bagi perkembangan industri berasas kayu seperti pembuatan papan lapis, kertas dan perabut. Selain hutan, kawasan pedalaman Kuantan juga kaya dengan keluaran pertanian, perikanan dan bahan mineral yang berharga.

Jadual 2 menunjukkan hasil keluaran bahan mentah utama di negeri Pahang. Sebahagian besar aktiviti pengeluaran bahan mentah tersebut terletak tidak jauh dari bandar Kuantan. Ketersampaian bandar Kuantan ke kawasan pengeluaran bahan mentah utama yang tinggi merupakan kelebihan kepada bandar tersebut. Dengan itu, Kuantan mendapat faedah yang banyak hasil daripada aktiviti pengeluaran tersebut. Kebanyakan hasil keluaran itu diproses, di kilang dan dieksport melalui Kuantan. Pelaburan dalam aktiviti tersebut sudah pasti menguntungkan Kuantan. Hal ini sebahagiannya menjelaskan sebab berkembangnya aktiviti perindustrian di bandar tersebut.

Negeri Pahang juga mempunyai bekalan sumber manusia yang cukup ramai. Pada 1991 penduduknya berjumlah 1,081,148 orang, meningkat kepada 1,180,615 orang pada 1995. Kira-kira 25 peratus (290,431 orang) penduduk tinggal di daerah Kuantan (Pahang 1996b: Jadual 6). Darjah pembandaran bagi Daerah Kuantan ialah 79.5 peratus. Majoriti (60 peratus) penduduknya berumur antara 15 hingga 64 tahun. Sumber manusia yang ramai menunjukkan bahawa tenaga buruh boleh didapati dengan agak mudah dan murah selain menyediakan pasaran bagi barangan pengguna keluaran kilang. Daripada segi kualiti sumber manusia, kadar celik huruf penduduk Kuantan mencapai 90.7 peratus dan angka ini adalah lebih

JADUAL 2. Hasil keluaran bahan mentah utama negeri Pahang (1994)

Jenis hasil keluaran bahan mentah	Jumlah keluaran
<b>Keluaran pertanian</b>	
kelapa sawit (FFB*)	7,099,890
getah asli (tan metrik)	203,411
<b>Perhutanan (meter padu)</b>	
kayu keras (balau, cengal, keranji & merbau)	203,212
kayu sederhana keras (kapur, kempas, keruing, tualang dll.)	788,070
kayu kurang keras (jelutung, meranti, merawan, nyatoh dll.)	2,024,677
<b>Ikan segar</b>	
ikan laut (tan metrik)	111,538
ikan ternak (tan metrik)	466,619
<b>Ternakan</b>	
daging lembu, ayam, kambing & khinzir (tan metrik)	4,301
telur ayam & itik (biji)	16,847,140
susu (liter)	299,086
kulit belulang (keping)	7,294
<b>Mineral</b>	
bijih timah (kg)	26,179
emas (kg)	259
Barite (kg)	6,100

Sumber: Pahang (1996b).

\*FFB = Fresh Fruit Branches (tandan segar yang telah diproses)

tinggi daripada purata penduduk Malaysia (Malaysia 1996: 151). Ini menunjukkan bahawa sumber tenaga manusia di Kuantan sesuai dilatih. Terdapat beberapa institusi pengajian tinggi awam dan pusat latihan kemahiran di sekitar Kuantan seperti Kolej Sains MARA, Institut Teknologi MARA cawangan Kuantan, Institut Kemahiran MARA, Politeknik Sultan Ahmad Shah dan Institut Latihan Perindustrian. Pusat tersebut melatih tenaga kerja mahir dan separuh mahir dalam bidang profesional dan kemahiran teknik. Misalnya pada 1994, seramai 5,210 pelatih mengikuti kursus di pusat latihan tersebut. Rata-rata, upah untuk pekerja separuh mahir dalam sektor pembuatan di sekitar Kuantan adalah di sekitar RM 400 – RM 600 sebulan, manakala buruh mahir RM 600 – RM 1,000 sebulan. Bagi jawatan pengurus, upah yang boleh ditawarkan adalah tidak melebihi RM 5,000 bergantung kepada pengalaman (Pahang 1996b: Jadual 35 & 45).

Secara keseluruhan, Kuantan mempunyai kawasan pedalaman yang sangat kaya dengan sumber alam dan sumber manusia yang sesuai dilatih sebagai tenaga kerja. Kemudahan untuk latihan juga banyak didapati di sekitar Kuantan. Kelebihan ini cukup kuat untuk menarik pelaburan khususnya dalam sektor pembuatan asas sumber seperti perkayuan dan perabot. Terdapat tidak kurang 50 buah kilang asas kayu dan industri perabot yang beroperasi di sekitar Kuantan. Bilangan industri yang mengeluarkan bahan makanan juga banyak (lebih 25 buah) tidak termasuk industri kecil di rumah yang mengeluarkan bahan makanan berasaskan sumber perikanan seperti keropok dan ikan kering. Begitu juga industri yang berasaskan bahan petrokimia dan kimia (26 buah). Tidak kurang pentingnya ialah industri kecil yang memerlukan tenaga buruh terlatih yang ramai seperti bengkel kejuruteraan (81 buah), kilang besi dan keluli (20 buah). Hal ini membuktikan kepentingan bahan mentah dan sumber tenaga buruh mahir dalam menarik industri tertentu untuk menempatkan diri di sekitar bandar Kuantan.

#### PENYEDIAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR YANG BAIK

Penyediaan infrastruktur dan sistem perhubungan yang baik membantu mewujudkan iklim pelaburan yang menarik. Hal ini telah diwujudkan di Kuantan. Kuantan dihubungkan dengan tempat-tempat lain di Semenanjung melalui berapa jalan raya utama. Antaranya Lebuhraya Kuantan-Segamat (145 km), Lebuhraya Ibam-Rompin (72 km), Lebuhraya Keratong-Bahau (61 km), Lebuhraya Persekutuan Kuantan-Maran-Kuala Lumpur, dan Lebuhraya Kuantan-Kuala Terengganu. Pembinaan Lebuhraya Ekspres Kuala Lumpur-Kuantan yang baru juga sudah diluluskan oleh Kerajaan Pusat. Selain itu, Lapangan Terbang Kuantan pula mampu mengendalikan pengangkutan udara bagi penerbangan dalam negara dan antarabangsa termasuk pengangkutan kargo. Kemudahan ini membolehkan Kuantan dihubungi dengan baik daripada pelbagai tempat sama ada di dalam atau luar negara.

Selain itu, Kuantan juga menawarkan kemudahan pelabuhan yang baik. Sebanyak tujuh dermaga, empat buah dermaga konvensional, dua buah dermaga

minyak sawit dan sebuah dermaga mineral yang masing-masing panjangnya melebihi 150 meter sedang digunakan di pelabuhan tersebut. Bagi operasi kontainer, pelabuhan ini menyediakan ruang terbuka seluas 25,000 meter persegi, 9,600 meter persegi stesen kontainer dan 36 poin untuk menempatkan bilik sejuk. Terdapat juga gudang bertutup yang mempunyai keluasan 25,000 meter persegi, gudang terbuka 41,250 meter persegi dan gudang bertutup persendirian seluas 6,750 meter persegi. Pelabuhan air dalam tersebut sesuai untuk beroperasi pada semua musim. Semua kemudahan ini memberikan kelebihan kepada Kuantan untuk bersaing menarik pelaburan khususnya dalam sektor pembuatan. Pada 1995, jumlah kapal yang singgah melebihi 1,300 buah.

Kuantan juga mempunyai bekalan tenaga elektrik dan air bersih yang mencukupi. Bekalan tenaga elektrik disediakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui Rangkaian Grid Kebangsaan bagi tenaga elektrik 275 kV dan 132 kV. Bagi bekalan air pula, sejumlah 83 loji pembersihan air dibina di seluruh negeri Pahang dengan pengeluaran air berjumlah 99.8 juta liter sehari. Kemudahan tersebut mencukupi untuk memenuhi permintaan sektor pembuatan di sekitar bandar berkenaan. Kemudahan lain seperti telekomunikasi turut disediakan terutamanya di kawasan perindustrian. Negeri Pahang mempunyai jaringan telekomunikasi yang baik dengan kebanyakan stesen pertukaran utamanya terletak di sekitar Kuantan khususnya di Jaya Gading (5,000 pertukaran), Semambu (5,000 pertukaran) dan Indera Mahkota (4,000 pertukaran). Perkhidmatan lain yang boleh menggalakkan perkembangan ekonomi pambandaran seperti perkhidmatan penghantaran oleh Pos Malaysia Berhad dan syarikat swasta lain bagi kargo menggunakan kontainer, bungkusan, meliputi penyimpanan dan pengagihan, pemeriksaan kastam di pelabuhan selain kemudahan perbankan dan perkhidmatan kewangan juga turut disediakan dengan meluas. Bagi kemudahan penginapan ekspatriat, hotel bertaraf antarabangsa turut terdapat di Kuantan. Rumah kediaman untuk penyewaan bulanan juga boleh didapati dengan mudah. Begitu juga sekolah antarabangsa untuk kemudahan keluarga ekspatriat di Kuantan. Kemudahan yang biasanya hanya wujud di bandar metropolitan boleh didapati di Kuantan. Kemudahan ini lazimnya dikaitkan dengan faedah-faedah ekonomi pambandaran dan menjadi suatu bentuk tarikan bagi sesetengah jenis aktiviti perindustrian yang berorientasikan eksport.

Secara keseluruhan, kemudahan asas yang disediakan ini banyak membantu dalam menggalakkan perkembangan sektor pembuatan di Kuantan. Kemudahan dan perkhidmatan bandar yang baik membolehkan Kuantan lebih berdaya saing berbanding dengan bandar-bandar besar lain di Wilayah Timur.

#### INSENTIF FISKAL YANG MENARIK

Di samping bahan mentah dan kemudahan perkhidmatan yang baik, ramai para pelabur yang mendapat faedah daripada pelbagai keistimewaan dalam bentuk insentif fiskal. Kemudahan ini disediakan oleh kerajaan pusat melalui Lembaga



Kemajuan Perindustrian Malaysia (atau lebih dikenali dengan singkatan MIDA) bagi membantu para pelabur pada tahap awal operasi mereka, khususnya yang baru bertapak di Malaysia. Seseengah kemudahan tersebut disediakan bagi menggalakkan penyelidikan, latihan tenaga manusia tempatan dan aktiviti lain yang pada akhirnya akan menguntungkan negara. Berbanding dengan sektor lain, sektor pembuatan adalah yang paling banyak diberikan kemudahan insentif (Pahang 1996a: 32). Terdapat dua jenis insentif yang boleh dimanfaatkan oleh pengusaha yang melabur di sekitar Kuantan: pertama, Insentif Letakan di Koridor Pantai Timur; dan kedua, Insentif Umum. Antara kemudahan insentif utama yang disediakan termasuklah yang terkandung dalam Akta Galakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Kemudahan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu memajukan sektor pembuatan di negeri Pahang.

Melalui Insentif Letakan di Koridor Pantai Timur, pelabur yang membuka kilang di Pahang, khususnya di Kuantan layak untuk diberi insentif khas enam kemudahan seperti berikut: Taraf Perintis yang mengecualikan 85 peratus jumlah pendapatan terakru atau 100 peratus pengecualian cukai pendapatan bagi firma pengeluaran barangan strategik tertentu; pemberian Elaun Cukai Pelaburan sehingga 80 peratus daripada jumlah perbelanjaan yang dilaburkan atau 85 peratus pengecualian cukai bagi pendapatan statutori tahun taksiran cukai; pemberian Elaun Infrastruktur bernilai 100 peratus kepada firma yang membelanjakan modalnya untuk membina jalanraya, jambatan, jeti dan sebagainya di kawasan Koridor Pantai Timur; pengecualian Duti Import Selama Lima Tahun termasuklah ke atas bahan mentah dan bahan komponen tertentu untuk pasaran tempatan; pemberian kemudahan potongan lima peratus bil elektrik bulanan selama dua tahun awal operasi; dan pertimbangan untuk firma diberikan taraf perintis lanjutan bagi lima tahun berikutnya.

Melalui insentif umum pula, tiga skema kemudahan berupa pengecualian cukai pendapatan disediakan yang secara langsung dapat meningkatkan peluang-peluang pelaburan dalam sektor pembuatan di negeri Pahang. Kemudahan tersebut (1) Taraf Perintis: kemudahan pengecualian cukai ke atas 30 peratus pendapatan terakru bagi tempoh lima tahun awal firma beroperasi. Bagi seseengah projek industri yang dianggap berstrategi penting kepada Malaysia, kerajaan boleh memberikan pengecualian cukai sehingga 100 peratus pendapatan terakru; (2) Elaun Cukai Pelaburan: Kemudahan ini menyediakan 60 peratus elaun bagi modal yang dilaburkan oleh firma bagi jangka masa lima tahun mulai tarikh kelulusan projek. Elaun tersebut dapat digunakan untuk mendapatkan pengecualian sehingga 70 cukai pendapatan terakru firma semasa tahun penilaian dan amaun yang tidak diguna boleh ditundakan bagi tujuan pengecualian cukai pendapatan tahun-tahun berikutnya sehingga seluruh 60 peratus elaun tersebut terpakai; (3) Elaun Pelaburan Semula: Firma boleh memohon pengecualian cukai sehingga 50 peratus ke atas perbelanjaan semula pendapatan sebagai modal bagi tujuan peluasan dan peningkatan keupayaan pengeluaran, pemodenan dan

peningkatan kecekapan jentera atau kemudahan pengeluaran dan mempelbagaian barangan keluaran.

Selain kemudahan di atas, insentif lain turut disediakan kepada syarikat pembuatan yang mengeluarkan barangannya untuk eksport. Kemudahan ini tidak secara langsung boleh memberi manfaat kepada perkembangan sektor pembuatan yang bertapak di negeri Pahang, khususnya di Kuantan. Kemudahan tersebut termasuklah Skema Pembiayaan Semula Kredit Eksport; Pemotongan Dua kali Premium Insurans Kredit Eksport; Pemotongan Dua kali bagi Penggalakan Eksport; dan Elaun Bangunan Industri. Satu lagi kemudahan insentif yang tidak secara langsung boleh memberi manfaat kepada pelabur dalam sektor pembuatan ialah Insentif Bagi Penyelidikan dan Pembangunan. Kemudahan ini meliputi 50 peratus perbelanjaan yang digunakan untuk penyelidikan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi tempoh maksimum 10 tahun. Sesetengah perbelanjaan seperti untuk bangunan, modal peralatan, jentera, loji yang digunakan dalam projek yang diluluskan oleh Kementerian, layak untuk dikecualikan cukai pendapatan berganda. Insentif untuk latihan juga disediakan bagi syarikat yang menggaji dan memberi latihan yang diluluskan oleh Kementerian kepada tidak melebihi 50 pekerja Malaysia. Insentif-insentif lain yang turut berkaitan dan boleh menjadi daya tarikan kepada pelabur dalam sektor pembuatan termasuklah insentif untuk penyimpanan, rawatan dan pelupusan bahan sisa toksik dan berbahaya. Kemudahan insentif ini memberikan elaun khas permulaan sebanyak 40 peratus dan elaun tahunan 20 peratus daripada jumlah perbelanjaan yang digunakan secara langsung untuk tujuan di atas. Insentif bagi ibupejabat operasi juga diberikan kepada firma korporat berbilang negara yang beroperasi di Malaysia dan terlibat dengan kegiatan seperti pentadbiran, perancangan perniagaan dan penyelarasan, penyelidikan dan pembangunan, bantuan teknik, penyelenggaraan alat, penggalakan pasaran, latihan pengurusan dan personel.

Secara ringkasnya, semua insentif ini boleh menarik pelaburan dengan cara dan intensiti yang berbeza. Setengah industri pembuatan sangat peka terhadap insentif letakan manakala yang lain lebih tertarik kepada insentif status taraf perintis, atau cukai pelaburan atau yang lainnya. Setengah firma pula lebih tertarik kepada peluang pasaran atau bahan mentah dan tidak responsif terhadap insentif yang ditawarkan. Hal ini dapat dilihat daripada bilangan kelulusan yang diberikan kepada firma oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan (MIDA) antara 1980 dan 1994. Daripada 238 projek yang diluluskan untuk dimajukan di seluruh negeri Pahang dengan pelaburan berjumlah RM 2.25 bilion, sebahagian besarnya (35.8 peratus atau 74 projek) terdapat di sekitar Kuantan terutamanya di Semambu dan Gebeng. Daripada jumlah keseluruhan projek yang diluluskan, 78 adalah projek yang diberikan taraf perintis, 60 projek yang diberi pengecualian cukai pelaburan dan satu projek diberi kemudahan cukai menggunakan buruh. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar projek (58 peratus) tertarik untuk melabur di Pahang khususnya Kuantan kerana mendapat manfaat daripada insentif

pengecualian cukai. Bagaimanapun, 42 peratus projek tidak mendapat sebarang pelepasan cukai. Daripada segi pemilikan kebanyakan pelaburan (63.3 peratus) yang diluluskan oleh MIDA ini adalah milik asing. Selebihnya adalah pelaburan tempatan dan pelaburan bumiputra melibatkan RM 590.5 juta (26.3 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan). Sebahagian besar pelaburan (27 peratus) bertumpu dalam kegiatan industri kimia dan sebahagian lain (16 peratus) terdapat dalam industri pemerosesan makanan. Sebahagian kecil bergiat dalam industri papan dan perkayuan (8.5 peratus), plastik (7.2 peratus) dan logam (5.0 peratus). Ini menunjukkan bahawa industri asas sumber sama ada bahan yang diimport (melalui pelabuhan Kuantan) seperti bahan kimia atau tempatan termasuk gas, minyak kelapa sawit, kayu dan ikan, tertarik dengan insentif yang diberikan. Manakala firma yang lainnya pula tertarik dengan kemudahan lain yang disediakan.

### STRATEGI PENYUSUNAN RUANG EKONOMI

Di peringkat nasional dasar pembangunan di negara ini umumnya berteraskan kepada idea taburan yang seimbang dan saksama yang diperteguh melalui pertumbuhan ekonomi yang pesat di kawasan teras. Idea ini mulanya dinyatakan dalam Dasar Ekonomi Baru 1971-1990. Bagaimanapun, oleh kerana pertumbuhan ekonomi negara tidak cukup pesat beberapa perubahan terhadap struktur ekonomi negara telah dilakukan. Salah satu daripadanya pengliberalan dan deregulasi dasar tentang perindustrian. Dalam banyak hal tekanan pasaran telah menentukan letakan industri (Malaysia 1991: 147). Oleh itu kawasan teras yang maju, khususnya Lembah Klang terus menjadi tumpuan. Pewujudan dua Pelan Induk Perindustrian (PIP) iaitu PIP1 dan PIP2 menjelaskan lagi strategi ini. Sejak dilancarkan lebih sedekad yang lalu (1986), berlaku anjakan dalam pendekatan perancangan perindustrian di Malaysia. PIP1 antara lain bertujuan untuk mempercepat pertumbuhan sektor perkilangan dengan orientasi eksport, menggalakkan salingkaitan antara sektor ekonomi dan menyediakan asas bagi memudahkan pencapaian matlamat untuk menjadi sebuah negara berindustri yang maju. Melalui PIP2, (1996-2005, perindustrian di Malaysia dijangka lebih bersifat global, dasar perekonomian yang lebih liberal dengan daya persaingan yang lebih mencabar. Perhatian utama aktiviti pembuatan ditumpukan kepada pembuatan perkakas elektrik dan elektronik, otomobil, petrokimia, industri tekstil, industri berteraskan sumber, industri berasaskan bahan (seperti polimer, logam dan seramik), industri asastani, dan akhirnya industri pembuatan mesin dan jentera peralatan (MIDA 1996: 2). Dalam mencapai matlamat ini, PIP2 menggalurkan lima strategi penting iaitu mengorientasikan keluaran ke arah pasaran global; meningkatkan daya saing keluaran; memperbaiki asas-asas ekonomi negara; menambahkan bilangan dan penyertaan syarikat milik Malaysia dalam aktiviti pengeluaran; dan menerapkan proses yang berintensif

maklumat, intensif pengetahuan serta teknologi dalam pengeluaran, rekabentuk, pemasaran dan pengagihan termasuk melalui penyelidikan dan pengembangan. Semua ini dilakukan untuk mencapai matlamat pertumbuhan yang pesat melalui pengembangan sektor pembuatan. Bagaimanapun, sebahagian besar usaha ini lebih menguntungkan kawasan yang maju dan boleh meninggalkan kesan yang negatif kepada kawasan yang belum maju seperti Kuantan.

Bagi membantu kawasan yang belum maju, di peringkat nasional, kerajaan juga telah mewujudkan empat koridor perindustrian utama iaitu: pertama, Koridor Pantai Barat meliputi seluruh kawasan Pantai Barat dari Kangar ke Johor Baharu; kedua, Koridor Timur – Barat meliputi kawasan dari Kuala Lumpur di barat ke Kuantan di timur; ketiga, Koridor Pantai Timur, meliputi kawasan pantai dari Kota Baru di Kelantan ke Johor Baharu di selatan; dan keempat, Koridor Tengah Utara-Selatan meliputi kawasan dari Kuala Krai di utara (Kelantan) hingga ke Johor Baharu di selatan.

Strategi di peringkat nasional ini memberi kesan yang langsung kepada negeri Pahang, khususnya Kuantan. Negeri Pahang dalam Wilayah Timur dikategorikan sebagai kawasan yang belum maju. Bagaimanapun, kedudukan Pahang dalam konteks koridor pembangunan negara memberi banyak kelebihan. Tiga koridor iaitu Koridor Timur-Barat, Koridor Pantai Timur dan Koridor Tengah Utara-Selatan merentasi sebahagian besar kawasan negeri tersebut. Kelebihan ini sangat menguntungkan kerana kerajaan menyediakan berbagai kemudahan kepada pelabur sekiranya mereka menempatkan firma di koridor tersebut. Kemudahan seperti status perintis, Elaun Cukai Pelaburan, Elaun Infrastruktur, Pengecualian Duti Import selama lima tahun, Potongan lima peratus bagi bil elektrik bulanan dan keutamaan untuk diberi peluang melanjutkan status perintis, disediakan khususnya bagi pelabur yang menempatkan firma di koridor Pantai Timur. Sebagai sokongan kepada kelebihan tersebut, kerajaan negeri juga turut melanjutkan tempoh pajakan daripada 66 tahun kepada 99 tahun bagi semua tanah pajakan negeri (PKNP 1966:6). Hal ini dilakukan untuk menarik lebih ramai pelabur tempatan dan luar negara bagi mencapai matlamat jumlah pelaburan RM7.6 bilion pada tahun 1996. Strategi ini disokong pula oleh program penswastan Pelabuhan Kuantan yang dijangka boleh meningkatkan kecekapan daripada segi penyediaan perkhidmatan untuk pengendalian import dan eksport. Pembinaan lebuh raya Timur-Barat bernilai RM3 bilion yang dimulakan tahun ini juga dijangka membantu kemajuan sektor pembuatan di negeri ini. Kuantan sebagai ibu negeri telah dirancang sebagai pusat pertumbuhan Wilayah Timur Semenanjung Malaysia (Malaysia 1975). Kewujudan koridor perindustrian ini ditambah pula dengan peningkatan peranan dan keupayaan Kuantan sebagai pusat pertumbuhan Wilayah Timur, membuka peluang yang lebih besar bagi kawasan yang kurang maju ini untuk menerima kemasukan pelabur.

Sebagai reaksi kepada langkah Kerajaan Pusat memperkenalkan konsep Koridor Pembangunan Industri (KPI), kerajaan negeri telah menyusun ruang ekonomi dan organisasi bagi mengambil kesempatan yang ada. Antaranya ialah

dengan memajukan empat koridor pembangunan industri utama dan tiga daripada koridor pembangunan tersebut melibatkan Kuantan. Koridor berkenaan ialah Zon Timur meliputi kawasan Gebeng, Kuantan hingga ke Pekan; Timur-Barat meliputi Mentakab-Maran dan Kuantan; dan Koridor Tengah merangkumi kawasan yang menganjur dari utara (Gambang) hingga ke Muazam Shah di selatan. Semua koridor ini merupakan teras program perindustrian di Pahang dengan paksi utamanya di Kuantan.

Bagi mengurangi pergantungan kepada sektor pertanian, sumbangan sektor pembuatan telah dirancang untuk ditingkatkan dari 13 peratus dalam tahun 1990 kepada 24.4 peratus 10 tahun berikutnya. Begitu juga sektor perkhidmatan (Pahang 1996a: 10). Untuk mencapai matlamat tersebut, kerajaan sama ada di peringkat negeri atau tempatan, telah menyusun semula pelbagai organisasi bagi melaksanakan strategi tertentu. Antaranya, menggerakkan agensi negeri supaya sektor pembuatan mengoptimumkan penggunaan sumber asli tempatan, meningkatkan lagi penyediaan kemudahan asas, mengokohkan kecekapan sektor perkhidmatan sokongan dan mewujudkan struktur pentadbiran serta perkhidmatan sokongan yang secara langsung membatu perkembangan sektor pembuatan (Pahang 1996a: 11).

Peng korporatan agensi pembangunan kerajaan khususnya PKNP telah meningkatkan keupayaan agensi tersebut untuk membantu memajukan negeri Pahang (PKNP 1996: 4). Langkah ulung yang dilakukan oleh kerajaan negeri khususnya melalui PKNP ialah mewujudkan Agensi Sehentian (*One-Stop Agency*) khusus bagi membantu memajukan sektor pembuatan di Kuantan khasnya. Agensi ini terlibat secara langsung untuk melaksanakan kebanyakan program pembangunan perindustrian yang dirancang oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Pahang selain menyediakan perkhidmatan sokongan yang cekap kepada pelabur. PKNP juga bertindak sebagai badan penyelarasan utama untuk pelaburan. Agensi ini akan memberikan nasihat perundangan, tatacara, bantuan teknik dan maklumat tentang peluang-peluang pelaburan dalam sektor pembuatan di negeri tersebut.

Matlamat kerajaan negeri Pahang untuk membentuk asas ekonomi yang luas tetapi kokoh telah menghasilkan sektor pembuatan yang pelbagai. Bagaimanapun, kekuatan sektor pembuatan di negeri ini ditunjangi oleh beberapa bidang pembuatan tertentu iaitu automotif, petrokimia, keluaran berasaskan kimia, komponen elektronik dan elektrik, polimer, keluaran berasaskan perhutanan, mineral dan pertanian (Pahang 1996b: 12). Sokongan yang padu turut diberikan kepada pelbagai industri skala kecil dan sederhana. Bidang fokus ini dianggap paling strategik dan mampu membantu negeri Pahang mencapai matlamat pembangunan ekonomi melalui proses perindustrian. Selain itu suatu konsep pembangunan industri berkelompok diperkenalkan untuk menggalakkan aglomerasi dan pembangunan industri secara berkumpulan di sekitar Kuantan. Konsep tersebut dikenali sebagai Zon Gugusan Perindustrian (*Industrial Cluster Zones*). Melalui strategi gugusan ini, perkembangan sektor pembuatan

akan berjalan lebih pesat lagi. Pada dasarnya, zon-zon ini diwujudkan untuk menggalakkan beberapa industri yang saling berkaitan daripada segi keluaran dan keperluan bahan mentah menempatkan firma mereka di suatu kawasan perindustrian yang tertentu. Melalui pengezonan mengikut gugusan berbagai faedah dan kerjasama dapat diperolehi sama ada di pihak pengusaha mahupun kerajaan negeri (PKNP 1996: 5). Sebanyak empat gugusan perindustrian telah diwujudkan di negeri tersebut. Tiga daripada gugusan tersebut terletak di sekitar Kuantan. Gugusan berkenaan ialah Estet Perindustrian Gebeng bagi pembangunan industri kimia dan petrokimia seperti pengeluaran MTBE (*Methyl Tertiary Butyl Ester*), polipropilin, asid tereptalic tulen, kopolimer dan MBS resin; Estet Perindustrian Peramu yang menjurus kepada aktiviti perindustrian automotif dengan fokus utamanya mengeluarkan dan memasang berbagai komponen kenderaan keluaran syarikat seperti Mitsubishi, Proton, Isuzu dan Citroen; dan Estet Perindustrian Gambang yang menjurus kepada pengeluaran barangan elektrik dan elektronik buatan Malaysia (*Malaysia Electrical Corporation*), khususnya bagi keperluan domestik. Gugusan yang keempat berpaksi di Muadzam Shah yang menumpu kepada pembuatan dan pengeluaran barangan berasaskan seramik seperti peralatan bilik air, jubin, pasu dan pinggan-mangkuk. Bagaimanapun, selain barangan seramik, barangan lain seperti perkakas elektronik turut di kilang di kawasan perindustrian Muazam Shah.

Secara keseluruhannya, langkah kerajaan negeri dalam menyusun ruang ekonomi melalui pengezonan kawasan perindustrian serta pengorganisasian dan pengukuhan semula fungsi agensi-agensinya supaya dapat membantu memajukan sektor pembuatan, selari dengan dasar dan matlamat kerajaan pusat untuk memajukan sektor tersebut. Empat bidang fokus perindustrian di Pahang yang menjadi nadi penggerak kemajuan pada hari ini ialah petrokimia di Gebeng, automotif di Peramu, peralatan elektrik dan elektronik buatan Malaysia di Gambang serta seramik di Muazam Shah. Kecuali gugusan seramik di Muazam Shah, semua kawasan perindustrian tersebut terletak di sekitar Kuantan, pusat pertumbuhan Wilayah Timur Semenanjung. Kesemua industri di gugusan berkenaan berkeupayaan untuk meningkatkan nilai tambahan keluarannya.

Potensi untuk meningkatkan kualiti menerusi input teknologi serta pengetahuan baru dalam keluarannya juga adalah amat besar. Sektor ini diberikan peranan besar untuk mengubah struktur ekonomi Wilayah Timur, khususnya negeri Pahang dan Kuantan dijadikan sebuah pusat perindustrian yang maju di pantai timur. Ini sebahagiannya telah dapat dilakukan melalui usaha, dasar dan strategi yang sesuai. Usaha menarik pelaburan asing ke Pahang, khususnya Kuantan telah dilakukan dengan giat. Pelbagai lawatan pemasaran dan rombongan menarik pelaburan telah dilakukan ke Eropah, Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan dan Singapura oleh pihak berkuasa negeri. Ini ditambah pula dengan sikap pihak pengurusan, khususnya Menteri Besar dan para pegawai pembangunan negeri yang terbuka juga turut membantu Kuantan dalam mencapai peranan yang digalurkan. Selain itu, sikap para pentadbir agensi negeri

dan pusat yang berpejabat di Kuantan yang terbuka dan mesra juga membantu menarik ramai pelabur ke bandar ini. Mereka sedia membantu pada bila-bila masa apabila pelabur menghadapi masalah. Malah para pelabur berpuashati dengan kemudahan seperti *one stop agency* yang ditawarkan di samping layanan mesra para pegawai pusat dan negeri (Shariffuddin Mohamed 1998: 6). Imej pengurusan yang baik sangat penting dalam pembangunan sesebuah kawasan terutamanya dalam penglobalan ekonomi.

Walaupun hanya sebuah bandar pertengahan yang terletak di kawasan pinggir, namun Kuantan telah berupaya melengkapkan diri dan menyusun organisasi ruang ekonomi perbandarannya sedemikian rupa sehingga dapat bersaing dan berkembang menjadi pusat perindustrian di Malaysia. Peranannya sebagai penyedia fungsi dan penghubung pelbagai faktor pelaburan yang strategik seperti yang disebutkan oleh Knight (1989) dan Knox (1996) telah dapat dilaksanakan secara berkesan. Aktiviti yang berkaitan dengan perhubungan global seperti pengenalan peluang-peluang ekonomi berdaya maju, pembangunan infrastruktur dengan teknologi maju, penyediaan dan pengendalian urusan kewangan moden bagi pasaran domestik dan antarabangsa, selain langkah menurunkan kadar tarif tertentu, peluasan perdagangan dan pengurangan kawalan aliran modal, idea dan teknologi oleh kerajaan pusat, secara perlahan-lahan telah dapat dijalankan di Kuantan. Semua langkah tersebut membantu bandar pertengahan ini menempatkan diri dalam persaingan yang bersifat global. Pencapaian pembangunan Bandar Kuantan melalui strategi perindustrian bandar pertengahan amat memberangsangkan.

## RUMUSAN

Perkembangan industri pembuatan di Kuantan yang agak pesat hanya berlaku selepas tahun 1980-an. Pada mulanya hanya kilang-kilang saiz kecil dan sederhana beroperasi berhampiran pusat bandar, khususnya di Semambu. Ini diikuti oleh Gebeng dan Tanjung Gelang yang terletak berhampiran dengan pelabuhan. Kawasan perindustrian lain di luar Kuantan hanya menyusul kemudian. IKS yang merupakan tunggak kemajuannya, menumpukan aktiviti pengeluaran barangan seperti perabut, jentera kecil, komponen otomobil, bahan kayu, makanan dan minuman. Peranan Kuantan sebagai sebuah bandar pertengahan dalam menyediakan ruang yang luas serta asas yang teguh bagi perkembangan sektor pembuatan didapati cukup berkesan. Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini pihak kerajaan negeri telah membuat penyesuaian dengan memberi perhatian yang serius kepada firma trans-nasional dalam pembangunan industri di bandar ini. Bagi tujuan itu penyusunan ruang ekonomi telah dilakukan di bandar tersebut sesuai dengan suasana yang wujud akibat kemaraan arus globalisasi sekarang ini. Kini, industri asas petroleum, kimia, kayu, elektrik dan elektronik menjadi teras program perindustrian di bandar berkenaan. Menjelang

tahun 2000, Kuantan akan meletakkan Pahang menjadi salah sebuah negeri mengindustri yang baru di Malaysia. Perkembangan ini menunjukkan bahawa bandar pertengahan di kawasan pinggiran yang sedang membangun mampu turut serta dalam persaingan ekonomi sektor pembuatan yang bersifat global. Kejayaan ini dicapai melalui pelaksanaan dasar dan strategi yang proaktif sama ada di peringkat pusat mahupun wilayah, di samping keupayaan pemerintah mengenalpasti potensi ruang ekonomi dan kelebihan bandingan daripada segi sumber alam dan manusia yang sesuai dibangunkan.

#### PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil kajian penulis tentang “Kemudahan asas dan perindustrian negara” yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Pengajian Pembangunan (Bank of Tokyo 1997/98), Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pembiaya dan rakan-rakan pengkaji yang lain, terutamanya Prof. Madya Md. Zahir Kechot, di atas bantuan yang diberikan dalam menghasilkan makalah ini. Juga terima kasih kepada para penilai yang memberikan komen kepada draf awal makalah ini.

#### NOTA

1. Di Malaysia, bandar pertengahan pada masa ini bolehlah ditakrif secara mudahnya sebagai sebuah bandar yang diwartakan dengan penduduknya berjumlah antara 100,000 dan 1,000,000 orang. Takrifan ini selari dengan pendapat Rondinelli (1983) yang mengelaskan bandar pertengahan sebagai bandar yang bersaiz saiz penduduk antara 100,000 hingga 2,500,000 orang.

#### RUJUKAN

- Berry, B.J.L. , E.C. Conkling & D.M. Ray. 1993. *The global economy: Resource use, locational choice and international trade*. Englewood Cliff, N.J.: Prentice-Hall, Inc.
- De Mello, L.R. Jr. 1997. Foreign direct investment in developing countries and growth: A selective survey. *The Journal of Development Studies* 34 (1): 1-34.
- Dicken, P. 1992. *Global shift: The internationalization of economic activity*. London: Paul Chapman Pub.
- Gilbert, A. & J. Gugler. 1982. *Cities, poverty and development: Urbanization in the Third World*. Oxford: Oxford University Press.
- Jomo K.S. 1994. Manufacturing growth and employment. Dalam Jomo. K.S. (pnyt.), *Malaysia's economy in the nineties*. Petaling Jaya: Pelanduk Pub.
- Khoo Soo Gim & Kate Van Kit Yee. 1996. *Pembangunan dan pertumbuhan bandar di Malaysia*. Siri Monograf Banci Penduduk No. 1. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Knight, R.V. 1989. *The emergent global society*. Dlm. R.V. Knight & G. Gappert (pnyt.), *Cities in a global society*. Newbury Park: Sage Pub.



- Knox, P.L. 1996. World cities and the organisation of global space. Dlm. R.J. Johnston, P.J. Taylor & M.J. Watts (pnyt.), *Geographies of the global changes*. Oxford: Basil Blackwell.
- Lo, F.C. & K. Salih, (pnyt.). 1978. *Growth pole strategy and regional development policy: Asia experiences and alternative approaches*. Oxford: Pergamon Press.
- Lo, F.C. & K. Salih. 1981. Growth poles, agropolitan development and polarization reversal: The debate and search for alternatives. Dlm. W.B. Stohr & R.R.F. Taylor (pnyt.), *Development for above or below?* New Delhi: John Wiley & Sons Ltd.
- Malaysia. 1975. *Rancangan Malaysia Ketiga 1975-1980*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Malaysia. 1979. *Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Malaysia. 1991. *Sixth Malaysia Plan 1991-1995*. Kuala Lumpur. National Printing Department.
- Malaysia. 1996. *Seventh Malaysia Plan 1996-2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- McCann, P. 1995. Rethinking the economic of location and agglomeration. *Urban Studies* 32(3): 563-77.
- MIDA. 1995. Position of industrial estates developed by the SEDC, RDA, Port Authorities and Municipalities. Kuala Lumpur: Prepared by MIDA.
- MIDA. 1996. *Malaysia Industrial Digest*. Oct.-Dec.
- MIDA. 1998. *Malaysia Industrial Digest*. Feb.
- Pahang. 1996a. *Pahang: The emerging power house, investment profile*. Kuantan: UPEN & Pahang State Secretariat Office.
- Pahang. 1996b. *Relevant statistical data for investor*. Kuantan: PSDC, UPEN & Pahang Statistical Dept.
- PKNP. 1996. *Pahang: Industry (Inagural)*. Kuantan: Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.
- Richardson, H.W. 1981. National urbanisation strategy in developing countries. *Urban Studies* 18: 267-83.
- Rondinelli, D.A. 1983. *Secondary cities in developing countries: Policies for diffusing urbanization*. Beverly Hills: Sage Pubs.
- Shariffudin Mohamed. 1998. Pahang amal sikap mesra pelabur. *Berita Harian*, 24 Oktober, hlm. 6.

Profesor Madya Dr. Katiman Rostam  
Jabatan Geografi, FSKK  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia

